

# Dalam Negeri

## Projek mega SouthKey rancakkan aktiviti komersial Jana ekonomi Johor

Oleh **MOHAMAD FIKRI ROSLY**  
utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 25 Feb. - Projek mega bersepadu SouthKey muncul sebagai pembangunan strategik terbaharu yang bakal merancakkan lagi aktiviti komersial di kawasan pusat perniagaan di ibu negeri.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, projek oleh syarikat Selia Pantai Sdn. Bhd. itu adalah hasil kerjasama pintar awam-swasta iaitu antara Kumpulan Selia dan Kerajaan Negeri Johor menerusi Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) di satu-satunya kawasan hijau bandar raya iaitu Majidee.

“Ia merupakan pembangunan strategik di tengah bandar raya Johor Bahru yang mengandungi sembilan presint bandar moden yang mempunyai kawasan komersial, penempatan, hotel dan bermacam lagi.

“Berdasarkan lokasi SouthKey yang strategik dan komponen pembangunannya yang menarik, ia mempunyai daya tarikan tersendiri dengan gaya kehidupan moden yang memberi nafas baru kepada Johor Bahru,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pembangunan SouthKey di Galeri Jualan Southkey di sini hari ini.

Abdul Ghani turut menyatakan potensi lebih ramai ekspatriat membeli hartanah di Iskandar Malaysia semakin tinggi berikutan pengumuman Singapura mengenakan 10 peratus Duti Setem Tambahan Pembeli (ABSD) ke atas kategori tertentu pembelian kediaman di republik itu penghujung tahun lalu kerana pembeli warga asing merasakan ia adalah tinggi.

Projek dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM13 bilion itu melibatkan kawasan 133 hektar dan tempoh 15 tahun untuk disiapkan. Ia dibangunkan berdasarkan pelan yang direncanakan oleh perancang utama, Prof. Philip Cox dari Cox Architects



**ABDUL Ghani Othman (dua dari kiri) melawat galeri pameran pembangunan Southkey di Johor Bahru, semalam.**

yang beribu pejabat di Sydney, Australia.

Fasa pertama pembangunan melibatkan GDV bernilai RM2 bilion yang terletak di Zon Perdana A dalam Iskandar Malaysia itu sedang dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya pada 2018.

Sempena pelancaran hari ini, SouthKey juga menandatangani perjanjian kerja sama dengan Optical Communication Engineering Sdn. Bhd. dalam menyediakan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi 5Mbps dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan projek berkenaan menjelang 2014.

Sementara itu, Pengerusi SouthKey Properties Sdn. Bhd., Datuk Abdul Karim Ahmad

Tarmizi berkata, 60 peratus daripada projek itu akan melibatkan komponen komersial seperti taman perniagaan, kedai pejabat, gedung beli belah, hotel, pusat perubatan, kolej dan pangsapuri, 10 peratus untuk hartanah perumahan manakala selainnya adalah infrastruktur dan kemudahan awam.

“Projek sulung SouthKey, kedai pejabat *The Lakefront* dengan GDV bernilai RM227 juta yang dilancarkan tahun lalu mendapat kejayaan yang amat memberangsangkan. Sehingga kini lebih 97 peratus unit-unit yang disediakan berjaya dijual, tidak termasuk lot yang diperuntukkan untuk buhimpentera,” katanya.